

Jais campur tangan reda salah faham berkaitan dana masjid

Shah Alam: Isu salah faham berkaitan kedudukan dana masjid menjadi antara punca sesebuah masjid di negeri ini dijadikan masjid pengurusan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal negeri Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, susulan isu berkenaan, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais)

terpaksa campur tangan untuk mendamaikan dan meredakan keadaan bagi mengelakkan timbul fitnah.

“Masjid bila tiada duit (dana), orang tak nak, bila banyak duit itu yang berebut. Apabila bertingkah akhirnya pejabat agama Islam terpaksa campur tangan bagi mengelak timbulnya fitnah.

“Bagaimanapun, tidak se-

mua begitu. Maknanya kita akan terima, teliti dan siasat semua aduan untuk diambil keputusan sama ada sesebuah masjid itu perlu dijadikan masjid pengurusan atau ditadbir kariah,” katanya pada sidang Dewan Un-

“
Pejabat agama Islam terpaksa campur tangan bagi mengelak timbulnya fitnah

Mohd Zawawi

dangan Negeri Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Syamsul Firdaus Mohamed Supri (PH-Taman Medan)

berhubung dakwaan sesebuah masjid di-

jadikan masjid pengurusan kerana dananya tinggi.

Mohd Zawawi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Kandis berkata, tiada had tempoh masa sesuatu pengurusan masjid diserahkan semula kepada ahli kariah namun bergantung kepada situasi, keperluan dan keadaan semasa.

“Sekiranya ada keperluan serah kepada anak kariah,

Jais teliti semua aspek dan Insya-Allah akan dipertimbangkan. Namun, kita sekarang sedang menuju pengurusan masjid lebih kemas dan profesional,” katanya.

Beliau berkata, ketika ini terdapat 41 masjid pengurusan dengan pecahannya kategorinya adalah masjid negeri (1), masjid daerah (9), masjid diraja (5) dan masjid naik taraf (26).